

## **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN MSM DILANTIK PROFESOR ADJUNG UTM AHIBS**

**KUALA LUMPUR, JUN 21, 2021** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara, hari ini mengumumkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Syed Feizal Syed Mohammad sebagai Profesor Adjung oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS).

Pelantikan tersebut bermula 15 Jun 2021 untuk tempoh setahun. Sebagai Profesor Adjung, Syed Feizal akan menyumbang kepada UTM AHIBS dalam aspek pengetahuan industri khususnya berkaitan kepimpinan, perniagaan, pengurusan, inovasi serta keusahawanan. Beliau juga akan menganjurkan sesi syarahan, seminar dan dialog bersama kakitangan akademik dan para pelajar AHIBS.

“Saya amat menghargai dan berbesar hati di atas peluang yang telah diberikan oleh pihak UTM AHIBS untuk saya berkongsi ilmu, pengalaman dan kemahiran dalam memastikan kesediaan dan melahirkan pemimpin-pemimpin industri masa hadapan. Saya percaya pendekatan universiti melalui kerjasama industri-akademik ini akan mengoptimumkan pembelajaran, kajian dan tesis para pelajar bagi projek-projek MBA mereka beserta aplikasi kemahiran secara praktikal,” kata Syed Feizal.

Beliau turut menambah, “Saya sentiasa mencari peluang untuk menyumbang semula kepada pendidikan dan platform ini telah memberikan saya ruang untuk berkongsi ilmu serta bertukar pendapat bersama rakan-rakan kepimpinan lain yang turut dilantik juga pandangan dari pemimpin-pemimpin masa hadapan.”

Baru-baru ini, MSM telah melancarkan Program Prodigy MSM sebagai salah satu langkah sumbangan kepada komuniti terutamanya bagi lepasan universiti yang masih belum mendapatkan pekerjaan berikutan situasi ekonomi semasa. Program ini mensasarkan untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan-graduan muda selaras dengan peluang yang kami telah sediakan untuk pembangunan berterusan melalui latihan pekerjaan, kemahiran insaniah serta bimbingan pakar. Pada akhir program, Prodigy yang berkelayakan turut berpeluang untuk diserap sebagai tenaga kerja MSM atau mendapatkan pekerjaan di tempat lain berdasarkan kesediaan mereka untuk memasuki alam pekerjaan.

**-TAMAT-**

### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pagedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)